



Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

Deklarasi Islami Mengenai Perubahan Iklim

Bintang-bintang, matahari dan bulan, serta bumi ini dengan segala kepelbagaiannya, khazanah dan kekuatan yang ada pada makhluk hidup, menyerlahkan dan menzahirkan keagungan dan rahmat Allah yang tidak terbatas. Fitrah segala makhluk ciptaan-Nya adalah untuk menyembah dan memuliakan-Nya dengan tunduk kepada ketentuan-Nya. Manusia diciptakan untuk menyembah Allah, Tuhan sekalian alam, menyantuni dan berbuat baik kepada semua spesies, individu dan setiap keturunan ciptaan-Nya.

KAMI MENEGASKAN

ALLAH IALAH TUHAN DAN PENTADBIR (RABB) SEMESTA ALAM

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam (Qur'an 1: 1)

هُوَ اللّٰهُ الْغَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصْرِفُ

Dialah Allah Yang Menciptakan, Yang Mengadakan, Yang Membentuk Rupa (makhluk-makhluk-Nya mengikut kehendak-Nya) (Qur'an 59: 24)

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ

Yang memperindahkan segala sesuatu yang Dia ciptakan (Qur'an 32: 7)

TIADA YANG DICIPTAKAN-NYA TANPA NILAI & TUJUAN

Setiap perkara dicipta bi 'l-haqq: dalam kebenaran dan tepat.

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَا يَعْلَمُ مَا خَلَقْنَا هُنَّا إِلَّا بِالْحَقِّ

Dan tidaklah Kami bermain-main menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya.

Tidaklah Kami ciptakan keduanya melainkan dengan benar (Qur'an 44: 38-39)

وَاللّٰهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَانَ اللّٰهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّبِطِّنًا

Milik Allah apa yang ada dilangit dan apa yang ada di bumi, dan (pengetahuan) Allah meliputi segala sesuatu (Qur'an 4: 126)

وَالسَّمَاءُ رَءُومًا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ أَلَا تَطْغُوا فِي الْمِيزَانِ وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطَ

وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ وَالْأَرْضَ وَعَهْمًا لَلَّا نَأْمَ

Dan langit telah ditinggikan-Nya dan Dia menciptakan keseimbangan agar kamu jangan merosakkan keseimbangan itu. Dan tegakkanlah keseimbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangkan keseimbangan itu. Dan bumi telah dibentangkan-Nya untuk makhluk-Nya (Qur'an 55: 7-10)

FITRAH (KEADAAN TABII) CIPTAAN ALLAH

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّٰهِيْنِ حَنِيفًا فَطَرَ اللّٰهُ الَّتِيْنِ فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِمَا لَقَى اللّٰهُ

ذَلِكَ الدِّيْنُ الْقِيْمُ وَلَكُنَّ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maka hadapkanlah dirimu ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lu-rus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (Qur'an 30: 30)

KAMI MENGAKUI

KEROSAKAN (FASAD) YANG DILAKUKAN MANUSIA DI ATAS MUKA BUMI ADALAH DISEBABKAN OLEH TINDAKAN TANPA HENTI DALAM MENGEJAR PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PENGGUNAAN SUMBER ALAM

ظَاهِرُ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَرِّ بِمَا حَسَبَتْ أَيْدِيَ النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِيْنِ عَمِلُوا لَعْلَمُهُ يَرْجِعُونَ

Telah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia; Allah menghendaki agar mereka merasakan se bahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembaliperbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar) (Qur'an 30: 41)

Gangguan iklim global adalah akibat daripada kerosakan (fasad) yang dilakukan manusia di atas muka bumi. Manusia hanyalah satu daripada berbagai makhluk hidup yang turut sama berkongsi bumi ini. Kita harus sedar bahawa kita hanyalah bahagian kecil dari aturan Allah, namun dalam aturan itu, (kita manusia) adalah makhluk yang mempunyai keupayaan dan tanggungjawab untuk melakukan kebaikan dan menolak keja-hatan dalam apa cara yang mungkin.

لَعْلَقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَخْبَرُ مِنْ خَلْقِ النَّاسِ وَلَكُنَّ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Sesungguhnya penciptaan langit dan bumi itu lebih besar daripada penciptaan manusia, akan tetapi ke-banyakannya manusia tidak meng etahui (Qur'an 40: 57)

وَمَا مِنْ حَآبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٌ يَطِيرُ بِمَا نَهَيْهُ إِلَّا أَمْهُمْ أَمْثَالُهُمْ

Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang berterbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat-umat seperti kamu (Qur'an 6: 38)

Kita tidak mempunyai hak untuk menindas atau menyebabkan bahaya ke atas makhluk yang lain. Agama kita memerintahkan kita untuk merawat semua perkara dengan sebaiknya, dengan penuh ketakwaan kepada Pencipta,belas kasihan (rahmah) dan penuh kebaikan (ihsan).

KAMI AKAN DIPERTANGGUNGJAWABKAN DI ATAS SEGALA TINDAKAN KAMI

فَمَنْ يَعْمَلْ مُثْقَلَ حَزَرَةً خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مُثْقَلَ حَزَرَةً شَرًا يَرَهُ

Maka barang siapa mengerjakan kebaikan seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan) nya, dan ba-rang siapa mengerjakan kejahatan seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan) nya (Qur'an 99: 7-8) (Qur'an sura ya 99: Aya ya 7-8)

SERUAN KAMI

Kami menyeru seluruh umat Islam di mana sahaja mereka berada, untuk menangani punca perubahan iklim, kemasuhan alam sekitar, dan kehilangan biodiversiti, dengan mengikut contoh tauladan Nabi Muhammad, yang terkandung nama baginda di dalam ayat-ayat al-Quran se-bagai "rahmat bagi sekalian alam"

Kami mengingati sabda Nabi Muhammad (semoga Allah memberikan berkat dan kesejahteraan kepada dia) Sesungguhnya dunia adalah manis dan menghijau, dan sesungguhnya Allah menjadikan kalian sebagai khalifah di bumi. Maka Allah akan melihat apa yang kalian perbuat (Hadith riwayat Muslim dari Abu Sa'id Al-Khudri)

Poster ini adalah versi ringkas Deklarasi Islami Mengenai Perubahan Iklim yang telah dipersetujui dan dilancarkan di Simposium Islam Antarabangsa Mengenai Perubahan Iklim yang diadakan di Istanbul pada bulan Ogos 2015. Ia dihasilkan dengan tujuan untuk melobi dan mempengaruhi pembentup keputusan global yang berkumpul di Paris pada bulan Disember 2015 pada Persidangan 21st Conference of the Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change (COP21). Ia merupakan hasil konsultasi di kalangan pakar-pakar dalam bidang Islam dan alam sekitar antarabangsa termasuk Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Versi lengkap Deklarasi ini termasuk terjemahan dalam pelbagai bahasa boleh diakses di www.ifees.org.uk. Versi Bahasa Melayu Deklarasi telah diterjemahkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia.